



HUKUM KEBERSIHAN PAKAIAN BERNASJIS MENGUNAKAN MESIN BASUH

Buku ini mengandungi ayat suci Al-Quran.
PELIHARALAH KESUCIANNYA.

EDARAN
PERCUMA



HUKUM KEBERSIHAN PAKAIAN BERNAJIS MENGGUNAKAN MESIN BASUH

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
2020

Cetakan Pertama 2020

©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

HUKUM KEBERSIHAN PAKAIAN BERNAJIS MENGUNAKAN MESIN BASUH

Semakan & Terbitan

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Tingkat 48, KOMTAR,

10000 Georgetown,

Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975 Fax: 04-263 2985

<http://mufti.penang.gov.my>

emel:mufti@penang.gov.my

Konsep, Reka bentuk dan Cetakan

Three Communication & Designs Sdn. Bhd,

No.38, 2nd Floor,

Hutton Lane,

10050 Georgetown,

Pulau Pinang.

KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang	04
Hukum Kebersihan Pakaian Bernajis Menggunakan Mesin Basuh Fatwa Negeri Pulau Pinang	06
Pendahuluan	08
BAB 1: Hukum Pembersihan Najis	15
BAB 2: Kaedah Pembersihan Najis	18
BAB 3: Metodologi Kajian	30
BAB 4: Hasil Kajian	39
Cadangan/Rumusan	46
Biografi Penulis	49
Glosari Istilah	51
Rujukan	52

KATA ALU-ALUAN

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dilafazkan atas nikmat kurniaan-Nya yang tidak terhitung bilangannya dan atas limpah perkenan-Nya jua Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) dapat menerbitkan buku **Hukum Kebersihan Pakaian Bernajis Menggunakan Mesin Basuh.**

Buku ini merupakan hasil daripada kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama JMNPP. Setinggi penghargaan terima kasih saya rakamkan kepada barisan penyelidik yang telah berusaha dengan penuh ketekunan dalam mendapatkan data-data saintifik untuk mencapai matlamat kajian ini.

Pada masa kini, penggunaan mesin basuh sebagai medium mencuci pakaian sudah menjadi satu keperluan masyarakat kerana ia memudahkan tugas mencuci pakaian. Malah kewujudan kedai-kedai dobi layan diri juga telah membantu meringankan lagi tugas tersebut. Namun begitu, terdapat keraguan dalam kalangan masyarakat mengenai kesucian dan kebersihan pakaian yang dicuci menggunakan mesin basuh ini. Ini kerana di dalam Islam kebersihan dan kesucian pakaian merupakan antara perkara yang diberikan perhatian dalam urusan ibadah khususnya solat.

Justeru menerusi buku ini, persoalan yang sering menimbulkan kerisauan tersebut cuba diberikan jawapan dengan berpandukan kepada dalil-

dalil yang ada. Selain itu, pembuktian melalui data-data dan kajian saintifik turut disertakan. Semoga buku yang kecil ini dapat memberikan manfaat kepada umat Islam semua.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada barisan penyelidik dari UiTM dan semua pihak atas usaha penghasilan buku ini. Pihak kami juga mengalu-alukan sebarang teguran dan nasihat bagi penambahbaikan penerbitan kami.

Sekian.

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang



HUKUM KEBERSIHAN PAKAIAN BERNAJIS MENGGUNAKAN MESIN BASUH FATWA NEGERI PULAU PINANG



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2019 yang bersidang pada 21 dan 22 Ogos 2019 telah membuat keputusan berdasarkan pembentangan hasil kajian yang dijalankan dan memutuskan seperti berikut:

1. Hukum penggunaan mesin basuh dan dobi bagi membersihkan pakaian bernajis adalah **harus** kerana ia dapat menghilangkan kotoran dan najis daripada pakaian yang dibasuh.
2. Ia merupakan suatu inovasi basuhan pakaian yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk kesenangan ibadat kepada Allah ﷻ.
3. Kaedah ini berpandukan kefahaman terhadap sumber al-Quran dan sunnah Nabi ﷺ. Para fuqaha' khususnya Syafi'iyyah telah memperincikan kaedah pembersihan najis dan kotoran menggunakan pelbagai instrumen khususnya air bersih (*mutlak*) dan bahan-bahan lain yang diyakini membersihkan najis (*mutahhirat*) seperti sabun, sertu, samak dan seumpamanya.

Kaedah-kaedah yang disarankan adalah berdasarkan ijtihad dan kajian setempat pada zaman masing-masing, berdasarkan realiti

keupayaan mengesan serta kemampuan menghilangkan tiga unsur najis iaitu bau, warna dan rasa.

4. Dari segi metode basuhan, penggunaan air kurang daripada dua kolah dalam basuhan mesin basuh dan dobi tidak menimbulkan masalah hukum kerana berlakunya pengaliran air (*murur al-ma'*) ke atas pakaian. Cara pengaliran air seperti ini tidak bertentangan dengan kaedah pembersihan najis yang diutarakan oleh Syafi'iyah dan jumhur fuqaha' lain. Dalam mod standard mesin basuh, sebenarnya berlaku dua kali basuhan yang memasukkan air (*murur al-ma'*) ke dalam mesin basuh dan dobi. Selepas basuhan pertama, semua sisa air bercampur "*detergen*" akan dikeluarkan sebelum masuknya air baharu untuk pusingan kedua. Selepas air pusingan kedua dikeluarkan, proses pengeringan (*spinning*) pakaian akan bermula. Didapati bahawa air basuhan telah beberapa kali disalin secara tidak langsung menyingkirkan kesan najis pada air tersebut sebelum dikeringkan.

PENDAHULUAN

Asas kebersihan diri ataupun taharah merupakan tuntutan syarak ke atas setiap individu muslim. Tuntutan tersebut berdasarkan nas al-Quran dan sunnah Rasulullah ﷺ. Dalam al-Quran, Allah ﷻ menyatakan tentang kepentingan menjaga kebersihan rohani dan jasmani serta menyintai sekalian hamba-Nya yang sentiasa membersihkan jiwa mereka daripada pelbagai kotoran termasuk maksiat dan dosa.

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمَّا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Baitullah (Kaabah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan kamu hendaklah menjadikan sebahagian daripada Makam Ibrahim itu sebagai tempat solat; dan Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumah-Ku (Kaabah dan Masjid al-Haram daripada segala perkara yang dilarang) untuk orang yang bertawaf, orang yang beriktikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang yang rukuk serta sujud".*

(Al-Baqarah: 125)

وَتِيَابِكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾

Maksudnya: *Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan.*

(Al-Muddaththir: 4)

...إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

Maksudnya: ...*Sesungguhnya Allah mencintai orang yang banyak bertaubat dan mencintai orang yang sentiasa mensucikan diri.*

(Al-Baqarah: 222)

إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَلْيَنْظُرْ فَإِنْ رَأَى فِي نَعْلَيْهِ قَدْرًا أَوْ أَدَى فَلْيَمْسَحْهُ وَلْيُصَلِّ فِيهِمَا

Maksudnya: *Apabila seseorang daripada kalian pergi ke masjid, hendaklah dia perhatikan. Maka jika terlihat terdapat kotoran di kedua-dua sandalnya, hendaklah disapu (dibersihkan) dan bersolat dengan memakainya (selepas dibersihkan).*

(Riwayat Abu Dawud)

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ فِي دَمِ الْحَيْضِ يُصِيبُ التَّوْبَ: «تَحْتَهُ، ثُمَّ تَقْرُصُهُ بِالْمَاءِ، ثُمَّ تَنْضَحُهُ، ثُمَّ تُصَلِّي فِيهِ» متفق عليه

Maksudnya: *Daripada Asma' Binti Abu Bakar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا Nabi ﷺ bersabda mengenai darah haid yang terkena pakaian, "dia (perempuan) perlu kikiskan kemudian disental dengan air, kemudian dibilas lalu digunakan untuk solat".*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

«يُغَسَّلُ مِنْ بَوْلِ الْجَارِيَةِ، وَيُرْتَشُ مِنْ بَوْلِ الْغُلَامِ» أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَالتَّسَائِي

Maksudnya: *Kencing kanak-kanak perempuan hendaklah dibasuh dan kencing kanak-kanak lelaki hendaklah dijirus.*

(Riwayat Abu Daud dan al-Nasa'i)

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa air kencing, darah haid dan pelbagai kotoran adalah wajib dibersihkan kerana semua itu merupakan najis yang menghalang kesahihan ibadat solat.

Bagi tujuan pembersihan, semua fuqaha' bersepakat bahawa air mutlak merupakan instrumen pembersihan (*wasa'il al-tathir*) hadas dan pelbagai jenis kotoran yang dianggap najis oleh syarak.¹ Selain itu, penggunaan air mutlak dijadikan syarat sah untuk pembersihan pakaian daripada najis.² Perbincangan tentang kaedah, cara pembersihan najis daripada pakaian juga dibincangkan dengan terperinci dalam kitab-kitab fekah mazhab masing-masing.

Pada masa kini, mesin basuh dan dobi merupakan satu kemudahan untuk membasuh pakaian kotor termasuk yang terkena najis. Walaupun kedua-dua mesin tersebut menggunakan air, namun teknik basuhan dengan penggunaan kuantiti air yang sedikit menyebabkan berlaku pertikaian dalam kalangan sarjana hukum masa kini mengenai status kebersihan pakaian bernajis. Pertikaian tersebut disebabkan pemahaman masing-masing terhadap amalan taharah dalam kitab-kitab fekah mazhabi. Terdapat sebahagian yang menghukumkan pakaian tersebut bersih dan sebahagian lain menyatakan sebaliknya, berpandukan hujah yang merujuk kepada status percampuran air bersih kurang dua kolah³ dengan pakaian bernajis dan keupayaan kedua-dua mesin tersebut menghilangkan kesan najis seperti bau, warna dan rasa.

¹ Al-Nawawi, Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab* (Beirut: Dar al-fikr, t.t.), jil.1, 92-93 ; Ibn ; Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abd Allah ibn Ahmad, *al-Mughni*, edisi ke 2. (Beirut, edisi ke 2. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmi), jil. 1, 8-9; Ibn Nujaym, Zayn al-Din Ibn Ibrahim. *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz alRaiq Syarh Kanz al-Daqa'iq* (Beirut: Dar al : Dar al : Dar al: Dar al-Kitab al-Islami, t.t.), jil. 1, Islami, t.t.), jil. 1, 233.

² Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar, *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar* (Beirut: Dar al-Fikr, 2000), jil. 1, 501; al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*, Tahqiq oleh Zakariyya 'Umayrat edisi ke 1 (Beirut : Dar al-Fikr, 1995), jil. 1, 62; al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'anay Alfaz al-Minhaj*, tahqiq. 'Ali Muhammad Mu'awwad & al-Mawjud, 'Adil Ahmad (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994), jil. 6, 115-116; al-Buhuti, Mansur ibn Yunus, *Kasysyaf al-Qina'an Matn al-Iqna'*, tahqiq. Ibrahim Ahmad Abd al-Hamid, edisi khas (Riyadh: Dar Alam al-Kutub, 2003), jil. 1, 216.

Beberapa pengkaji semasa telah menyentuh isu di atas daripada pelbagai perspektif. Kebanyakannya berpandukan kepada perbincangan fuqaha' silam mengenai kaedah pembersihan dengan air dan syarat-syarat aplikasinya. Hukum pembersihan najis dibincangkan oleh Abd al-Hasib Atiyyah secara perbandingan antara empat mazhab, tetapi tidak menyentuh tentang penggunaan mesin basuh.⁴ Jamal Salih dalam disertasi sarjananya bertajuk *Wasa'il al-Tathir*, hanya membincangkan kaedah pembersihan melalui kaedah *istihalah* secara lebih luas.⁵ Setiap kaedah dianalisa berdasarkan teori yang dikemukakan oleh fuqaha' klasik dan diaplikasikan dalam beberapa permasalahan termasuklah permasalahan moden, namun tidak disentuh secara terperinci isu kaedah penyucian menggunakan mesin basuh moden.

Kaedah pembersihan najis turut dijelaskan oleh Wahbah al-Zuhayli dalam huraian tentang taharah. Beliau membahaskan secara terperinci berkaitan kaedah penyucian air atau pakaian yang terkena najis dengan melihat kepada pelbagai pandangan fuqaha' silam dalam masalah ini. Namun, tidak disentuh pula secara jelas kaedah basuhan mesin basuh dan dobi.⁶ Dalam kajian mengenai piawaian teknikal yang digunakan dalam kaedah penyucian moden, Husam Ali Abdullah, menganalisis kaedah dan syarat penyucian najis berdasarkan mazhab

³ Menurut Salih Hasan al-Rayyashi dalam bukunya *al-Sharh al-Manhaji al-Mu'asir li Alfaz al-Faqih Abi Shuja' al-Shafi'i* (halaman 58) kadar sukatan air dua kolah pada hari ini bersamaan **216 liter**. Manakala menurut Ali Jum'ah pula dalam kitabnya *al-Makayil wa al-Mawazin al-Syariyyah* (halaman 42), ukurannya mengikut kadar timbangan/berat adalah seperti yang berikut ; 1 kolah bersamaan 250 kati Baghdad [Iraqi]. 1 kati Baghdad bersamaan 382.5 gram. 1 kolah (250 kati) x382.5gram = 92,625 gram / 92.625 kg. Maka jumlah 2 kolah (92.625 kg) x 2 = (+/-) **191.25 kg**. Manakala dari segi sukatan liter, ia bersamaan 191.25 kg x 1.04 Liter (1 kg = (+/-) 1.04 liter) = (+/-) **198.9 Liter**.

Rujuk juga <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3413-al-kafi-1263-hukum-menyelam-ke-dalam-air-yang-kurang-daripada-dua-kolah>. Diakses pada 23 Julai 2019. Ia menjelaskan pandangan Dr Wahbah al-Zuhayli dari segi berat timbangan, 2 kolah bersamaan 195.113 kg. Manakala dari segi sukatan, bersamaan 10 tin. Ada pendapat mengatakan 15 tin atau 270 liter.

⁴ Atiyyah, Abd al-Hasib Sanad. *Anwa' al-Tathir wa Syurutuhu*, dalam <http://www.alukah.net/sharia/0/44555/>. Diakses pada 14 April 2019.

⁵ Jamal Salih, *Wasa'il al-Tathir*.https://scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/methods_of_purification.pdf. Diakses pada 12/10/2017.

⁶ Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Edisi ke 3 (Dimashq : Dar al-Fikr, 1989), jil. 1, 183-184.

Hanafi dengan merumuskan bahawa penggunaan mesin basuh moden menepati parameter purifikasi yang ditetapkan oleh fuqaha' mazhab tersebut.

Kajian dijalankan oleh R. Yahaya, M.H. Razali, B. Ibrahim, M.S. Othman, N.A.M. Noor, H. Muhammad dan S.J. Abdullah⁷ pula melihat proses basuhan mesin basuh dengan berlandaskan prinsip pembersihan yang diterima pakai dalam sektor perladangan. Berasaskan prinsip pembersihan untuk menghilangkan sifat toksin daripada 'food tuber' *Dioscorea hispida* (ubi gadong) sebelum ianya boleh digunakan dengan selamat, maka prinsip tersebut telah diaplikasikan bagi proses pembersihan dan penyucian pakaian yang bernajis menggunakan mesin basuh. Teknologi tersebut menjadikan produk makanan yang dihasilkan selamat untuk digunakan. Jika penggunaan kaedah ini berkemampuan menghilangkan sifat toksin yang wujud dalam *D.hispida*, maka secara tidak langsung menunjukkan najis yang ada pada sesuatu pakaian boleh dihilangkan melalui proses basuhan mesin basuh untuk menjadikan pakaian tersebut suci.

Muhammad Hudzari Haji Razali *et.al*/pula telah menghasilkan satu mesin basuh berbentuk prototaip yang diubah suai bagi memastikan aspek kebersihan dan kesucian sebagaimana yang digariskan oleh fuqaha'. Bersandarkan kepada asas keperluan untuk mengalirkan air secara berterusan kepada sesuatu benda yang bernajis bagi menghilangkan sifat najis tersebut. Hasil kajian ini adalah satu alternatif tanpa menafikan mesin basuh sedia ada di pasaran. Ianya sebagai satu langkah untuk memperkenalkan amalan terbaik yang mematuhi syarak melalui teknik pengaliran air secara berterusan dalam proses

⁷ R.Yahaya et.al. Conceptual instrumentation of washing machine for conformity to the Islamic laws of Syarak, *Scientific Journal of Review*, 2 (6), 151-155, 2013.

mod bilasan yang serentak untuk tujuan pengeringan.⁸

Permasalahan yang dibincangkan merupakan isu sejagat dihadapi oleh umat Islam seluruh dunia. Ia telah mengundang banyak respon sama ada dalam bentuk fatwa dan pandangan hukum peribadi dari institusi fatwa di peringkat tempatan dan juga antarabangsa di samping ilmunan yang menjadi rujukan orang ramai.

Terdapat beberapa institusi fatwa dalam dan luar negara telah menerangkan hukumnya seperti:

- i. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dalam *Al-Kafi Li Al-Fatawi*⁹: Soalan 311 bertarikh 1/7/2016, JAKIM¹⁰ dalam ruangan kemusykilan agamanya,
- ii. Darul Ifta' Mesir¹¹ dalam fatwa bertarikh 10/4/2015 mengenai *taharat al-malabis al-najisah iza wudhi'at fi al-ghassalat al-utumatikiyyah*,
- iii. Lajnah *al-Ifta*, Darul Ifta' Jordan¹² menjelaskannya dalam fatwa bernombor 2722 bertarikh 1/11/2012 mengenai *hukm al-ma' al-mutatayir min al-malabis al-najisah athna' ghasliha*,
- iv. Islamic Affairs & Charitable Activities Department¹³, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dalam fatwa mengenai *hukm ghasl al-malabis allati biha najasah ma'a al-tahirah* dan
- v. Darul Ifta Birmingham¹⁴ berkenaan bahawa pakaian yang terkena najis *'aini* jika basuh berulang kali dengan air mutlak dalam mesin basuh adalah bersih.

⁸ Muhammad Hudzari Haji Razali et.al. Development of Intelligence Technique in Syariah Compliance Washing Machine via PLC. *J. Artif. Intel.*, 10 (2) : 49-58, 2017.

⁹ <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/1197-al-kafi-311-menyucikan-pakaian-dengan-mesin-basuh>.

¹⁰ <http://kemusykilan.islam.gov.my/?data=O2thdGVnb3JpX2RldGFpbDsxMzE7&page=871>.

¹¹ <http://www.dar-alifta.gov.eg/ar/ViewResearch.aspx?sec=fatwa&ID=151>.

¹² <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2722#.XNDzpzAzYdU>.

Persoalan hukum di atas juga mendapat respon ramai para pendakwah dan ilmuan tempatan berkongsi pandangan dalam pelbagai medium ilmu seperti blog, *Facebook*, *YouTube* dan sebagainya yang memberikan pandangan hukum masing-masing.¹⁵

Antara pengendali web luar berbahasa Arab yang aktif ialah *Islamweb.net*¹⁶ yang menekankan perbezaan antara basuhan pakaian bernajis *hukmi* dan *'aini*. Bagi basuhan najis *'aini*, kesan najis tersebut hendaklah disucikan sepenuhnya dengan yakin sekalipun sama ada dibasuh tangan ataupun dengan mesin basuh.

Berdasarkan sorotan di atas, kajian ini mendapati belum ditemui sebuah kajian yang mengaplikasikan kaedah sains forensik dalam pengujian kebersihan kesan najis yang menggunakan mesin basuh dan mesin dobi. Walaupun standard kebersihan yang ditetapkan oleh fuqaha' ialah kenyahwujudan kesan zahir sesuatu najis, tidak bermakna syarak melarang kajian lebih terperinci seperti analisis DNA Forensik yang berupaya mengesan kewujudan atau kenyahwujudan molekul najis pada pakaian, jika hasil keputusannya dapat meyakinkan hati pengguna muslim selain menolak perasaan was-was tentang kebersihan. Penggunaan kaedah analisis ini juga dapat membantu mengurangkan jurang perselisihan antara fuqaha' masa kini berhubung isu kebersihan. Justeru, kajian ini amat diperlukan bagi mengukuhkan hukum kebersihan pakaian bernajis menggunakan teknologi semasa yang memudahkan kehidupan.

¹⁵ <https://www.youtube.com/watch?v=A0F29gZu5qA> ; <http://omgyoutube.com/watch/v=yWi9SSP2fHM>;
<https://www.facebook.com/DrRozaimiRamle/posts/1523422311018597>;
<https://www.facebook.com/ustazhasnankasan/posts/112916642045601>;
<http://naaimahbtenaaim.blogspot.my/2017/09/hukum-menggunakan-mesin-cuci-baju.html>.

¹⁶ <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=Fatwald&Id=177849> dalam siri-siri penerangannya 174107, 174865, 171787 dan 176059.

BAB 1: HUKUM PEMBERSIHAN NAJIS

Dari segi bahasa, perkataan najis atau dalam bahasa Arabnya *najasah* bermaksud sesuatu yang kotor (الشئ المستقذر). Manakala dari segi istilah pula, terdapat beberapa definisi yang diberikan. Najis merupakan setiap benda (عين) yang haram digunakan secara mutlak dalam keadaan normal (إختيار) dengan mudah dibezakannya. Pengharaman tersebut bukan kerana faktor kemuliaan dan kejijikan atau kemudaratannya pada fizikal dan akal. Najis juga ditakrifkan oleh sebahagian Syafi'iyah sebagai “sesuatu yang dianggap kotor dan mencegah sahnya solat tanpa ada hal yang meringankan”.¹⁷ Dalam pengertian lebih jelas, para fuqaha' bersepakat bahawa najis merupakan sebarang benda atau perkara yang dihukumkan syarak sebagai kotoran yang perlu dihilangkan untuk kesempurnaan ibadat kepada Allah ﷻ .

Terdapat tiga jenis najis menurut Syafi'iyah iaitu:

1. Najis mukhaffafah hanya terdiri daripada air kencing kanak-kanak lelaki berusia kurang daripada dua tahun yang sumber pemakanannya hanya susu. Dinamakan mukhaffafah kerana syarak meringankan cara pembersihannya dengan merenjis air ke atas tempat terkena najis itu sehingga *'ain* dan kesannya hilang.

¹⁷ Al-Haitami, Shihab al-Din Ibn Hajar, *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj* (Kaherah : Dar al-Hadith, 2016), Jil. 1, 134-135; Al-Bujayrmi, Sulayman, *Tuhfat al-Habib 'ala Sharh al-Khatib* (Beirut : Dar al-Fikr, 1995), jil. 1, ; al-Rayyashi, Salih Hasan, *al-Syarah al-Manhaji al-Mu'asir li Alfaz al-Faqih Abi Syuja' al-Shafi'i*, edisi ke-1 (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2013), 159-160.

¹⁸ Al-Syarbini, jil. 1, 239.

2. Najis mughallazah ialah kategori jenis berat iaitu anjing dan babi serta derivatif kedua-duanya. Kenajisan kedua-dua haiwan tersebut pada pakaian atau tubuh badan seseorang hanya dapat dihilangkan dengan tujuh kali basuhan termasuk satu kali basuhan daripada air tanah.¹⁸ Dalam kitab *Mughniy al-Muhtaj*, telah dijelaskan kaedah basuhan tersebut dalam pernyataan seperti yang berikut:

(وَمَا نَجَسَ) مِنْ جَامِدٍ وَلَوْ بَعْضًا مِنْ صَيْدٍ أَوْ غَيْرِهِ (بِمُلَاقَاةِ شَيْءٍ مِنْ كَلْبٍ) سَوَاءً فِي ذَلِكَ لُعَابُهُ وَبَوْلُهُ وَسَائِرُ رُطُوبَاتِهِ وَأَجْزَائِهِ الْحَاقَّةِ إِذَا لَاقَتْ رَطْبًا (غُسِلَ سَبْعًا إِحْدَاهُنَّ) فِي غَيْرِ أَرْضِ تُرَابِيَّةٍ (يُتْرَابٍ) طَهُورٍ يَعْثُمُ مَحَلَّ التَّجَاسَةِ

Maksudnya: *Sesuatu menjadi najis seperti benda pejal walaupun sebahagian daripada binatang buruan atau selainnya, disebabkan tersentuh dengan sebarang anggota anjing sama ada air liur, air kencing dan semua cecair badan termasuk anggota yang kering jika disentuh dalam keadaan lembab (basah), hendaklah dibasuh tujuh kali termasuk satu kali basuhan dengan tanah bersih yang meliputi tempat najis tersebut.*¹⁹

3. Najis mutawassitah ialah semua kategori najis selain dua kategori di atas. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu:

i. Najis *Hukmiyyah*

Jenis najis yang tidak ditemui warna, rasa dan bau seperti kesan air kencing yang telah kering.

Tempat terkena najis tersebut dihukum bernajis dan ia mesti dibersihkan. Untuk menghilangkannya, memadai dengan dialirkan satu kali curahan air (*jary al-maa'*).²⁰

¹⁹ Al-Syarbini, jil. 1, 239.

²⁰ Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi al-'Abbas. *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Edisi ke 3 (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2003), jil. 1, ; Al-Ansari, Zakariyya ibn Muhammad. *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*. Tahqiq oleh Muhammad Muhammad Tamir. Edisi ke 1 (Beirut :Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2000).

فَالْحُكْمِيَّةُ كَبُولٍ جَفَّ، وَلَمْ يُدْرِكْ لَهُ صِفَةٌ، يَكْفِي جَرِي الْمَاءِ عَلَيْهَا مَرَّةً

Maksudnya: Maka (untuk membersihkan) najis hukmiyyah seperti air kencing yang telah kering dan yang tidak dapat dikesan sifatnya, memadai dialirkan air ke atasnya satu kali.

ii. Najis 'Ainiyyah

Jenis najis yang zatnya masih kelihatan dan mempunyai warna, rasa dan bau. Najis ini dapat dihilangkan dengan sekali basuhan jika tiga cirinya dapat dihilangkan dengan mudah. Disunatkan dua atau tiga kali basuhan. Fuqaha' Syafi'iyyah menegaskan bentuk dan kesannya seperti rasa, warna dan bau mesti turut dibersihkan. Terutama kesan rasa (*al-ta'm*) mesti dihilangkan kerana jika masih ada, ia menandakan unsur najis masih tidak hilang.²¹

Namun dimaafkan jika salah satu kesan lain iaitu bau atau warna sukar dihilangkan setelah dibasuh dengan teliti. Walau bagaimanapun jika dua kesan yang sukar dihilangkan itu masih juga kekal pada tempat yang sama, hukumnya masih dianggap bernajis.²²

²¹ Al-Bujayrmi menyatakan ia dihukum bersih walaupun curahan air itu berlaku bukan dengan perbuatan manusia seperti hujan. Lihat al-Bujayrmi, 1995, jil. 1, 316.

²² Al-Ansari, tt, jil. 1, 19.

BAB 2: KAEDAH PEMBERSIHAN NAJIS

Umat Islam bertanggungjawab memastikan kebersihan (taharah) diri daripada pelbagai jenis najis (*hissi*, *'aini*, *maknawi* dan *hukmi*). Al-Quran dan hadis menekankan kepentingan kebersihan pakaian sebagai satu pra syarat kesahihan solat. Kebersihan telah dianggap sempurna apabila tiga kesan najis seperti bau, rasa dan warna telah diyakini hilang. Seperti mana ditegaskan sebelum ini, hukum najis *'aini* dianggap hilang jika bentuk dan tiga kesan bau, rasa atau warna dapat dihapuskan dengan mudah.²³

Isu utama dalam penentuan kebersihan pakaian bernajis, adakah kaedah basuhan kedua-dua mesin tersebut menepati amalan taharah dalam pembersihan najis *'aini* atau *hukmi*?. Jika kaedah basuhan seperti yang biasa dilakukan masa kini dipercayai sudah bersih sepenuhnya, maka isu-isu yang mendakwa basuhan mesin basuh atau mesin dobi tidak bersih, sepatutnya tidak dibangkitkan lagi. Jika kita menganggap sebaliknya, apakah kaedah basuhan terbaik tanpa menggunakan kedua-dua mesin berkenaan?.

1. Penggunaan Air Mutlak

Semua fuqaha' dalam pelbagai mazhab bersepakat bahawa air mutlak adalah instrumen utama pembersihan (وسائر التطهير) daripada kotoran dan perkara-perkara yang dihukumkan najis oleh syarak. Mereka turut bersepakat bahawa penggunaan air mutlak adalah syarat sah untuk pembersihan pakaian daripada najis.²⁴

²³ Al-Ansari, 2000.

²⁴ Al-Nawawi, jil. 1, 616-617 ; Ibn Abidin, jil. 1, 510 ; al-Hattab, jil. 1, 62; al-Buhuti, jil. 1, 216.

Cara penggunaan air adalah bergantung kepada kuantitinya sama ada banyak iaitu melebihi dua kolah (198.9 Liter) ataupun sedikit iaitu kurang daripada jumlah tersebut. Menurut praktis pembersihan najis dalam mazhab Syafie, jika air yang digunakan itu banyak seperti air sungai yang mengalir, kesan najis dihukum hilang jika direndam (dicelup) di dalamnya dengan sekali celupan. Namun jika kuantiti air kurang, terdapat beberapa perincian masalah yang perlu diperhatikan seperti berikut:

- a) Pembersihan najis *hukmi* memadai dengan cara menjiraskan air mutlak pada tempat (*mahal*) terkenanya najis pada pakaian tersebut sehingga zat ('ain) dan juga kesan rasa, warna dan rasa telah dibersihkan.²⁵ Praktis ini adalah berpandukan beberapa hadis seperti berikut:

عن أم قيس بنت محصن: أنما أتت بابين لها صغير، لم يأكل الطعام إلى النبي ﷺ، فبال على ثوبه، فدعا بماء ﷺ فنضحه ولم يغسله (متفق عليه)

Maksudnya: *Daripada Ummu Qays bint Mihsan membawa bayi lelaki kecilnya yang belum memakan makanan kepada Rasulullah ﷺ, lalu dia kencing atas pakaian Baginda ﷺ. Maka Baginda ﷺ meminta air lalu menjiraskan ke atasnya (tempat terkena kencing) dan tidak membasuhnya.*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

²⁵ Al-Ramli, 2003.

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن أعرابيا بال في المسجد، فثار إليه الناس ليقعوا به، فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم: (دعوه وأهريقوا على بوله ذنوبا من ماء - أو سجلا من ماء - فإنما بعثتم ميسرين ولم تبعثوا معسرين) رواه البخاري

Maksudnya: *Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه seorang lelaki Badawi kencing dalam masjid, lalu orang ramai menyerbu ke arahnya agar dapat menangkapnya. Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda kepada mereka supaya membiarkannya dan menyuruh mereka menjirus beberapa cedokan air ke tempat kencingnya. Sesungguhnya kalian diutuskan untuk mempermudah (urusan hidup dengan Islam) dan bukannya menyusahkan.*

(Riwayat Bukhari)

Dalam hal ini, Imam al-Nawawi telah menjelaskannya dengan terperinci dalam kenyataan seperti yang berikut:

وَأَمَّا غَيْرُ نَجِيسِ الْعَيْنِ، فَضَرْبَانِ: نَجَاسَةٌ عَيْنِيَّةٌ، وَحُكْمِيَّةٌ، فَالْحُكْمِيَّةُ: هِيَ الَّتِي تَيَقَّنُ وُجُودَهَا وَلَا تُحْسَسُ، كَالْبَوْلِ إِذَا جَفَّ عَلَى الْمَحَلِّ وَلَمْ يُوجَدْ لَهُ رَائِحَةٌ وَلَا أَثَرٌ، فَيَكْفَى إِجْرَاءُ الْمَاءِ عَلَى مَحَلِّهَا مَرَّةً، وَوَسْنُ ثَانِيَّةٌ، وَثَالِثَةٌ

Maksudnya: *Dan selain najis al-ain,²⁶ najis terbahagi kepada dua kategori iaitu najis 'aini dan hukmi. Najis hukmi ialah kategori yang diyakini wujudnya tetapi tidak dapat dikesan seperti air kencing yang telah kering pada tempat najis di mana baunya hilang dan tiada lagi kesan. Maka memadai dicurahkan air sekali sahaja pada tempat najis tersebut. Disunatkan dua dan tiga kali.²⁷*

²⁶ Najis al-ain ialah benda najis yang dihukumkan najis pada zatnya seperti babi, anjing, tahi, air kencing dan darah. *Mutanajjis* pula ialah benda yang pada asalnya bersih tetapi menjadi bernajis disebabkan terkena *najis al-ain*.

²⁷ Al-Nawawi, *Rawdhat al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. Edisi ke-3 (Beirut : Al-Maktab Islami, 1991), jil. 1, 28.

- b) Jika najis *'aini* (yang mempunyai zat boleh dilihat), wajib dibersihkan terlebih dahulu bentuk dan juga kesan rasanya (*ta'm*) walaupun sukar dihilangkan. Ini kerana kesan rasa yang berbaki, menunjukkan najis belum bersih sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jika salah satu daripada bau (*rih*) atau warna (*lawn*) masih wujud kerana sukar dihilangkan, ia adalah dimaafkan.²⁸

Imam al-Nawawi menyatakan dalam kitab *Rawdhat al-Talibin*:

وَأَمَّا الْعَيْبِيَّةُ: فَلَا بُدَّ مِنْ مُحَاوَلَةِ إِزَالَةِ مَا وُجِدَ مِنْهَا مِنْ طَعْمٍ، وَلَوْنٍ، وَرِيحٍ، فَإِنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَبَقِيَ طَعْمٌ، لَمْ يَظْهَرْ، وَإِنْ بَقِيَ اللَّوْنُ وَحْدَهُ وَهُوَ سَهْلُ الإِزَالَةِ، لَمْ يَظْهَرْ. وَإِنْ كَانَ عُسْرَهَا، كَدَمِ الْخَيْضِ يُصِيبُ الثَّوْبَ، وَرُبَّمَا لَا يَزُولُ بَعْدَ الْمُبَالَغَةِ، وَالِاسْتِعَانَةَ بِالْحَتِّ وَالْقَرْصِ، طَهَّرَ.

Maksudnya: Sementara najis *'aini*, ia mesti berusaha dihilangkan kesannya yang terdiri daripada rasa, warna dan bau. Jika sudah dibuat tetapi kesan rasa masih ada, ia masih belum bersih. Jika masih tertinggal kesan warna sahaja yang mudah dihilangkan, juga belum dihukum bersih. Namun jika sukar dihilangkan seperti darah haid terkena pakaian dan mungkin tidak hilang selepas dibasuh bersungguh-sungguh serta menggunakan alat untuk kikis dan korek, ia dihukum bersih.²⁹

Sheikhul Islam Zakariyya al-Ansari menyatakan seperti berikut:

²⁸Al-Ramli, ; al-Haitami, ; al-Ansari.

²⁹Al-Nawawi, 1991, jil. 1, 28

(وَيُظْهَرُ مُتَنَجِّسٌ بِعَيْنَيْهِ بَعْسِلٍ مُزِيلٍ لِلطَّعْمِ)، وَإِنْ عَسَرَ إِزَالَتُهُ لِسُهُولَتِهَا غَالِبًا فَأَلْحَقَ بِهِ نَادِرُهَا، وَإِلَّا بَقَاءَهُ يَدُلُّ عَلَى بَقَاءِ الْعَيْنِ (وَكَذَا) مُزِيلٌ (لِللَّوْنِ وَرِيحٍ سَهْلَيْنِ فَإِنْ عَسَرَ أَوْ بَقِيَ مَعًا) بِمَحَلِّ، وَاحِدٍ (لَمْ يَظْهَرْ) أَيْ الْمُتَنَجِّسُ لِقُوَّةِ دَلَالَتِهِمَا عَلَى بَقَاءِ الْعَيْنِ (أَوْ بَقِيَ أَحَدُهُمَا فَقَطْ (وَلَوْ رِيحًا ظَهَرَ) لِلْمَشَقَّةِ، (وَمُزِيلٌ الْعَيْنِ عَسَلَةً)، وَاحِدَةٌ (وَإِنْ تَعَدَّدَ) الْفِعْلُ.

Maksudnya: Sesuatu yang mutanajjis (terkena najis) dengan 'ain (yang najis) akan bersih dengan basuhan yang menghilangkan kesan rasa sekalipun ia sukar dihilangkan kerana kebiasaannya kesan rasa sangat mudah hilang. Justeru yang nadir atau jarang (kesan rasa yang sukar dihilangkan) disamakan hukumnya seperti biasa. Ini kerana rasa yang tinggal menunjukkan 'ain najis tersebut masih kekal. Demikian juga dihukum bersih dengan basuhan yang menghilangkan warna dan bau yang mudah dihilangkan. Namun jika sukar hilang atau masih kekal kedua-duanya pada satu tempat yang sama (selepas dibasuh), ia belum dianggap bersih kerana kewujudan kedua-duanya adalah petunjuk yang kuat pada kewujudan 'ain najis. Jika salah satu (sama ada warna atau bau) sahaja yang masih kekal, ia adalah bersih disebabkan masyaqqah. Air untuk menghilangkan najis dianggap satu ghuslah (basuhan) sahaja walaupun dibuat berulang kali.³⁰

- c) Mengenai jumlah (bilangan) basuhan, jika najis hukmi seperti air kencing yang telah kering dan tiada lagi kesannya seperti bau, cara pembersihannya memadai (wajib) dengan satu kali sahaja curahan (basuhan) air. Disunatkan membasuh dua atau tiga kali. Jika najis 'aini, zat najis dan semua kesannya yang boleh ditanggalkan dengan mudah, mesti dihilangkan sepenuhnya.³¹

³⁰ Al-Ansari, t.t, jil. 1, 19.

³¹ Al-Nawawi, 1991, jil. 1, 28.

Kuantiti air yang sedikit (kurang daripada dua kolah) akan menjadi mutanajis jika pakaian bernajis dimasukkan ke dalamnya. Tindakan demikian akan menyebabkan pakaian tidak dihukum bersih kerana ciri kemutlakan air telah tercemar dengan najis. Air bernajis tidak dapat membersihkan kesan najis.³² Dalam situasi seperti ini, pakaian tersebut tidak dihukumkan bersih walaupun proses penyucian berlaku beberapa kali. Fuqaha' Syafi'iyah mensyaratkan agar air dicurahkan (*murur al-ma'*) ke atas pakaian atau bekas rendaman pakaian bagi mengelakkan air basuhan tidak menjadi mutanajis, sebagaimana dijelaskan oleh Khatib al-Syarbini seperti berikut:

(وَيُشْتَرَطُ وَرُودُ الْمَاءِ) عَلَى الْمَحَلِّ إِنْ كَانَ قَلِيلًا فِي الْأَصَحِّ لِئَلَّا يَتَنَجَّسَ الْمَاءُ لَوْ عُكِّسَ لَمَا
عُلِمَ مِمَّا سَلَفَ أَنَّهُ يَنْجُسُ بِمُجَرَّدِ وَقُوعِ النَّجَاسَةِ فِيهِ

Maksudnya: *Disyaratkan curahan air ke atas tempat (bernajis) jika kuantiti air sedikit menurut pendapat asah agar air tidak menjadi mutanajis. Jika diterbalikkan (iaitu pakaian bernajis dimasukkan ke dalam air), berdasarkan huraian sebelum ini, maka air tersebut menjadi najis sebaik sahaja najis masuk ke dalamnya.*³³

Keadaan di atas berbeza jika air yang sedikit dimasukkan (*wurud al-ma'*) ke atas tempat terkena najis kerana ciri kebersihan (*tahuriyyah*) dan kemutlakan air masih kekal.³⁴

³²Al-Syarbini, jil. 1, 242 ; al-Ramli, jil. 1, 260.

³³Al-Syarbini, ibid.

- d) Namun fuqaha' Hanafiyyah tidak membezakan antara memasukkan pakaian ke dalam air yang sedikit atau sebaliknya. Mengikut mereka, jika pakaian tersebut termasuk dalam jenis yang diserap air dan boleh diperah, kaedah basuhannya berbeza berdasarkan kesan najis. Jika kesan najis boleh dilihat (*najasah mar'iyyah*), ia mesti dihilangkan dengan (beberapa kali) basuhan dan perahan sehingga kesannya hilang. Sekiranya kesan najis tidak boleh dilihat (*najasah ghayr mar'iyyah*), pakaian tersebut hendaklah dibasuh (dicelup, dijirus atau dibilas) sebanyak tiga kali menggunakan air baharu dan memerah pakaian tersebut setiap kali dibasuh. Namun pada pandangan Hanafiyyah, amalan tersebut dibolehkan dan pakaian dihukum bersih dengan syarat dicelup atau dibilas sebanyak tiga kali menggunakan air baharu dan memerah pakaian tersebut selepas setiap kali bilasan.³⁵ Berikut merupakan penjelasan al-Kasani dalam *Bada' al-Sana'*:

وَإِنْ كَانَ مِمَّا يُتَشَرَّبُ فِيهِ كَثِيرٌ، فَإِنْ كَانَ مِمَّا يُمَكِّنُ عَصْرَهُ كَالْقِيَابِ، فَإِنْ كَانَتْ التَّجَاسَةُ مَرِيئَةً فَطَهَارَتُهُ بِالْعَسَلِ وَالْعَصْرُ إِلَى أَنْ تَزُولَ الْعَيْنُ، وَإِنْ كَانَتْ عَيْرَ مَرِيئَةٍ فَطَهَارَتُهُ بِالْعَسَلِ ثَلَاثًا، وَالْعَصْرُ فِي كُلِّ مَرَّةٍ، لِأَنَّ الْمَاءَ لَا يَسْتَخْرِجُ الْكَثِيرَ إِلَّا بِوَاسِطَةِ الْعَصْرِ، وَلَا يَتِمُّ الْعَسَلُ بِدُونِهِ

Maksudnya: Jika benda (yang terkena najis) itu merupakan jenis yang boleh diserap najis yang banyak, (perlu dilihat) maka jika ia boleh diperah seperti pakaian dan najis yang terkena padanya boleh dilihat, maka ia bersih dengan basuhan dan perahan sehingga 'ain (najis) itu hilang. Jika najis itu tidak kelihatan, kebersihannya dengan dibasuh dan juga diperah tiga

³⁴ Al-Syarbini, jil. 1, 242 ; al-Ramli, jil. 1, 260.

³⁵ Ibn Abidin, 332 ; al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr, *Bada' al-Sana' fi Tartib al-Syara'*. Edisi ke-2 (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2003), jil. 1, 451.

kali. Ini kerana air tidak dapat mengeluarkan banyak najis kecuali dengan perahan dan basuhan tidak akan sempurna tanpanya.

- e) Status kebersihan sisa air basuhan (*ghusalah*) pula ditentukan berdasarkan perubahan sifatnya. Sekiranya sisa air berubah pada rasa, warna dan bau, ia dianggap mutanajis dan tidak boleh digunakan lagi untuk basuhan yang lain. Akan tetapi jika didapati tiada sebarang perubahan, *ghusalah* masih dianggap bersih dan telah menjadi air mustakmal.³⁶

وَالْأَظْهَرُ طَهَارَةُ غُسَالَةٍ قَلِيلَةٍ (تَنْفِصُ بِلَا تَغْيِرُ وَقَدْ طَهَرَ الْمَحْلُ) لِأَنَّ الْبَلْلَ الْبَاقِيَ عَلَى الْمَحَلِّ هُوَ بَعْضُ الْمُنْفِصِ، فَلَوْ كَانَ الْمُنْفِصُ نَجَاسًا لَكَانَ الْمَحْلُ مِثْلَهُ فَيَكُونُ الْمُنْفِصُ ظَاهِرًا غَيْرَ طَهُورٍ لِاسْتِعْمَالِهِ فِي حَبَثٍ

Maksudnya: Mengikut pendapat azhar, dihukum bersih sisa basuhan (*ghusalah*) sedikit yang terpisah daripada (pakaian) jika tiada perubahan padanya dan pakaian telah bersih. Ini kerana sisa-sisa lembapan pakaian adalah sebahagian sisa air yang terpisah. Jika sisa air yang terpisah itu bernajis pasti pakaian itu juga sepertinya (masih bernajis). Dalam kes di atas, sisa basuhan tersebut adalah bersih tetapi tidak membersihkan (untuk kegunaan seterusnya) kerana telah digunakan untuk menghilangkan kotoran (*khath*).³⁷

³⁶ Al-Ramli, jil. 1, 260 ; al-Haitami, jil. 1, 146-147.

³⁷ Al-Ramli, jil. 1, 260.

Dalam *al-Taqirirat al-Sadidah*, Sheikh Hasan al-Kaff merumuskan syarat-syarat air sisa basuhan pakaian bernajis dihukum bersih adalah seperti berikut:

- i. Air perlu dimasukkan ke dalam benda bernajis (seperti pakaian), bukan sebaliknya,
- ii. Air mesti terpisah daripada benda yang dibasuh,
- iii. Tiada perubahan pada sifat air,
- iv. Kuantiti air sedikit,
- v. Tidak berlaku penambahan pada kuantiti air selepas diambil kira sisa air yang menyerap dalam pakaian dan pembuangan sisa air cucian,
- vi. Pakaian yang dibasuh itu bersih.³⁸

2. Bahan Pembersih Selain Air

Para fuqaha' berkhilaf mengenai keberkesanan pelbagai instrumen penyucian selain air, seperti *istihalah*, panahan cahaya matahari, pembakaran, seretan atas tanah yang bersih dan lain-lain cara yang dapat menghilangkan kesan najis.

Jumhur fuqaha' daripada Syafi'iyah, Muhammad al-Hasan dan Zufar daripada Hanafiyah berpendapat hanya air boleh digunakan untuk tujuan tersebut di samping amalan samak (*dibagh*) ke atas kulit dan perubahan (*istihalah*) arak kepada cuka yang terjadi dengan sendiri.³⁹

³⁸ Al-Kaf, Hasan Ahmad Muhammad, *al-Taqirirat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*. Edisi ke-1 (Tarim: Dar al-'Ilm wa al-Da'wah, 2003), 136-137.

³⁹ Al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf, *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab* (Beirut: Dar al-fikr, t.t), jil 1, 616-617; Ibn Abidin, jil. 1, 510; al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*, Tahqiq oleh Zakariyya 'Umayrat edisi ke 1 (Beirut: Dar al-Fikr, 1995), jil. 1, 120; al-Bahuti, Mansur bin Yunus, *Kashshaf al-Qina'an Matr al-Iqna'* (Riyadh: Dar Alam al-Kutub, 2003) jil.1, 216.

Kebanyakan Hanafiyyah⁴⁰ dan Ibn Taimiyyah⁴¹ memperluaskan praktik penyucian ke atas setiap sesuatu yang berkesan membuang kesan najis dan kotoran adalah diterima sebagai *mutahhirat* yang sah. Mereka memperluaskan fungsi *istihalah* kepada keupayaan cahaya matahari, tanah, sabun dan semua bahan pencuci yang mampu menghilangkan najis. Pandangan ini turut dinisbahkan kepada Imam Ahmad ibn Hanbal⁴² dan ditarikhkan oleh al-San'ani⁴³ dan al-Syawkani⁴⁴.

Pada pandangan kedua ini apabila sesuatu najis dapat dihilangkan dengan pelbagai cara maka hukum kenajisannya turut hilang. Sesungguhnya hukum berkait dengan *illah* yang akan hilang apabila *illah*nya tiada. Walau bagaimanapun, diharamkan menggunakan bahan makanan dan minuman untuk menghilangkan najis tanpa sebarang keperluan (hajjah) kerana perbuatan demikian termasuk perbuatan memusnahkan harta. Bahan-bahan tersebut juga haram dijadikan bahan untuk istinjak.⁴⁵

3. Penggunaan Mesin Basuh dan Dobi Layan Diri

Pada masa kini, penggunaan mesin basuh dan dobi layan diri merupakan kemudahan yang dimanfaatkan oleh semua pengguna termasuk umat Islam terutama mereka yang tinggal di kawasan bandar dan menginap di *apartment* bertingkat yang berjauhan pula daripada sungai, laut, tasik dan sumber air.

⁴⁰ Ibn Abidin, jil. 1, 509; Ibn Nujaym. Ibn Nujaym, Zayn al-Din Ibn Ibrahim. *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqa'iq* (Beirut: Dar al-Kitab al-Islami, t.t.), jil. 1, 233.

⁴¹ Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim. *Majmu' Fatawa* (Al-Madinah al-Munawwarah: Mujammak al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Musayf al-Syarif, 2004), jil. 21, 475.

⁴² Al-Mirdawi, Ala' al-Din Abu al-Hasan Ali ibn Sulayman. *Al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf 'ala Mazhab al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Edisi ke 1 (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 1988).

⁴³ Al-San'ani, Muhammad ibn Ismacil, *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram* (Kaherah: Dar al-Hadith, t.t.), jil. 1.

⁴⁴ Al-Syawkani, Muhammad ibn cAli, *Nayl al-Awtar*, tahqiq. cIsm al-Din al-Sababuti, edisi ke 1. (Kaherah: Dar al-Hadith, 1993), jil. 1, 85.

⁴⁵ Ibn Taymiyyah, jil. 1, 475.

Mesin basuh sudah menjadi suatu keperluan asas dalam rumah, selain dapat menjimatkan masa dan tenaga, berbanding basuhan tangan secara tradisional seperti pada zaman dahulu. Teknologi basuhan yang dimanfaatkan sama ada di rumah ataupun di kedai dobi termasuk servis sendiri (*self service*) itu menggunakan air dalam proses cucianya bersama bahan pembersih (*detergent*) dan pelembut (*softener*) pakaian.

Terdapat dua jenis mesin basuh automatik iaitu muatan atas dan muatan hadapan. Mesin basuh muatan atas menempatkan pakaian yang dimuatkan melalui penutup di sebelah atas ke dalam tab yang disusun menegak serta mempunyai pemutar (*pulsator*) pada bahagian dasarnya. Penggunaan mesin basuh muatan atas ini amat popular di seluruh negara termasuk Malaysia. Semasa proses kitar cucian mesin basuh muatan atas ini berlaku, tab yang berisi pakaian diisi dengan air yang banyak untuk menyokong pakaian dan pergerakan pemutar menarik pakaian ke bahagian dasar tengah ke arah pemutar. Kemudian pakaian bergerak ke arah sisi tab dan proses berulang bagi arah putaran yang berlawanan sehinggalah masa cucian tamat. Selepas proses cucian tamat, sebahagian air dibuang dan pemutar memutar pakaian dalam sela masa yang sangat singkat bagi menyerakkan pakaian untuk menyeimbangkan muatan pakaian sebelum proses putaran kering perantara. Proses seterusnya diulang bagi bilasan pertama dan terakhir, dan selepas kitar bilasan terakhir tamat, kitar putaran kering terakhir berlangsung selama lebih kurang enam minit bagi mengeringkan pakaian sepenuhnya.

Bagi mesin basuh automatik muatan hadapan pula, pengguna perlu memasukkan pakaian ke dalam tab melalui pintu hadapan yang kedap air. Kesan sentalan bagi mesin basuh muatan hadapan ini dihasilkan melalui pergerakan tab serta tindakan graviti. Kaedah ini menyerupai kaedah cucian zaman dahulu iaitu menghempas pakaian ke atas batu. Pergerakan tab mengangkat pakaian ke bahagian atas tab sebelum pakaian jatuh semula ke dasar tab.

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini sebahagian besarnya bersifat kualitatif dan menggunakan kaedah Analisis Profil DNA Forensik. Adapun rangka penulisannya dibahagikan kepada dua peringkat tugas dasar iaitu pengumpulan data dan analisis data.

1. Pengumpulan Data

Semua data dan maklumat mengenai taharah dan instrumen penyucian syarak diperoleh daripada buku-buku fekah dan hadis-hadis hukum yang berautoriti sama ada karya klasik atau kontemporari, tesis dan disertasi di samping artikel-artikel, kertas-kertas kerja dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Sementara data-data penting mengenai proses pembersihan yang diprogramkan pada sistem mesin basuh dan keberkesanannya untuk menghilangkan kotoran dan najis, daripada buku, jurnal dan kertas kerja, laporan akhbar serta khidmat nasihat beberapa orang pakar sains forensik khususnya para pegawai Jabatan Kimia Cawangan Pulau Pinang.

Semua data kajian dibahagikan kepada tiga kategori pengumpulan:

- i. Konsep taharah dalam kes-kes pembersihan najis.
- ii. instrumen pembersihan najis berdasarkan pandangan fuqaha' Syafi'iyah akan diutamakan di samping mengambil kira pandangan fuqaha' mazhab lain. Beberapa pandangan sarjana Islam semasa turut diberikan perhatian.
- iii. Analisis keberkesanan teknologi basuhan mesin basuh dalam menghilangkan kotoran dan najis.

2. Proses Pengujian Basuhan Pakaian Bernajis

a) Sampel Kajian

Sebanyak tiga sampel najis iaitu darah, air kencing dan najis bayi telah digunakan pada pakaian. Sampel-sampel tersebut akan diletakkan pada pakaian yang akan dicuci menggunakan dua teknik basuhan iaitu mesin basuh automatik dan perkhidmatan cucian dobi layan diri.

Dalam analisis zat/unsur najis, kajian ini menggunakan kaedah analisis profil DNA bagi menentukan kehadiran zat/unsur najis iaitu darah, air kencing dan najis bayi pada pakaian sebelum dan selepas basuhan. Teknik analisis DNA adalah teknik untuk mengesan kehadiran DNA yang diwakili oleh zat/unsur najis di dalam sampel kajian.

Zat/unsur najis ini adalah terdiri dari bahan kumbahan dan juga sel-sel dari manusia. Namun, antara ketiga-tiga zat/unsur najis ini, kandungan DNA yang mengandungi sel manusia paling banyak terdapat pada sampel darah. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan sampel darah (manusia) yang akan diletakkan pada pakaian. Sampel najis (yang diwakili oleh darah) akan melalui dua teknik basuhan iaitu mesin basuh automatik dan perkhidmatan dobi layan diri.

Pemilihan pakaian yang digunakan dalam analisis kehadiran zat/unsur najis adalah menggunakan pakaian yang kebiasaan digunakan seharian iaitu fabrik kapas (*cotton*) yang berpocket dan fabrik yang lebih tebal seperti denim (*jeans*). Sampel pakaian akan disapukan najis dan bahagian yang terkena najis akan ditandakan sebelum memulakan proses basuhan. Sebahagian

daripada pakaian yang disapukan najis akan digunting dan dikeringkan di tempat yang teduh bagi tujuan rujukan awal (*control sample*) kehadiran najis pada pakaian. Sampel awal (*control sample*) yang kering akan disimpan di dalam sampul sebelum dihantar ke makmal Jabatan Kimia.

b) Metode Basuhan Mesin Basuh

Dalam kajian ini, model mesin basuh muatan atas yang digunakan adalah *Sharp 8kg Fully Auto Washing Machine Washer Es818x* yang menggunakan teknologi *S Pulsator* dan juga *Fuzzy Control*. Teknologi *S-Pulsator* ini melibatkan pergerakan air secara tiga dimensi yang boleh meningkatkan lagi kelarutan bahan pencuci (*detergent*) serta menghilangkan kotoran dengan lebih berkesan.

Bagi teknologi *Fuzzy Control* pula, beban atau berat serta jenis kain akan ditentukan oleh pengesan (*sensor*) secara automatik. Untuk muatan depan, model mesin basuh yang akan digunakan adalah *Electrolux 5th-Generation W5130S* yang terdapat di kedai dobi layan diri berdekatan UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Manakala, bahan pencuci asas yang akan digunakan adalah Cecair Cucian Pekat Dynamo. Cecair Cucian Pekat Dynamo ini dipilih kerana ia tidak mengandungi fosfat yang menjadikan Dynamo mesra alam sekitar. Selain daripada itu, Cecair Cucian Pekat Dynamo memberikan prestasi pembersihan berkuasa yang pekat dan semua *surfactant* dalam Dynamo mudah terbiodegradasikan. Terbiodegradasikan bermakna cecair cucian pekat ini bukan sahaja selamat untuk pakaian malahan untuk alam sekitar juga. Keterlarutan Cecair Cucian Pekat Dynamo

ini yang mudah akan memberikan pencucian yang lebih berkesan dan pakaian yang lebih bersih.

Dalam basuhan menggunakan mesin basuh, pakaian bernajis tersebut akan dibasuh bersama pakaian lain yang tidak bernajis menggunakan mod ketetapan standard (*standard setting*). Sampel pakaian yang telah dibasuh dan kering dilabelkan dalam bekas khas dan dimasukkan dalam kotak. Selepas itu, kotak sampel tersebut dihantar ke makmal Jabatan Kimia Cawangan Pulau Pinang untuk dianalisis berdasarkan kaedah analisis profil DNA bagi memperolehi keputusan kewujudan zat/unsur najis bagi setiap sampel.

c) Metode Basuhan Mesin Dobi

Bagi kaedah basuhan menggunakan dobi layan diri, cara basuhannya telah diprogramkan dalam sistem operasi mesin tersebut dan berbeza daripada kaedah mesin basuh. Oleh yang demikian, proses pengesanan status kesuciannya akan dibuat dengan mengambil sampel cebisan pakaian asal terkena najis sebagai sampel kawalan (*control sample*) dan pakaian yang bercampur dengannya. Masa yang diambil untuk proses basuhan adalah selama 40 minit yang melibatkan 130 liter air berbanding dengan mesin basuh hanya 63 liter, manakala proses pengeringan adalah selama 25 minit.

Selepas proses basuhan dan pengeringan menggunakan mesin dobi, sampel pakaian akan diambil dan disimpan di dalam *petri dish* plastik. Sampel tersebut akan diuji kewujudan sisa molekul najis sama ada positif atau negatif.

3. Kaedah Pengesanan Kewujudan Najis Pada Pakaian

Pengujian ke atas tiga sampel kotoran iaitu darah, air kencing dan najis bayi adalah menggunakan dua kaedah iaitu *Kestle-Meyer Test (KM-Test)* dan Analisis Profil DNA Forensik. Sampel-sampel tersebut akan diuji bagi mengesan kewujudan atau kenyahwujudan molekul DNANYa selepas basuhan menggunakan mesin basuh dan mesin dobi layan diri.

a) *Kestle-Meyer Test*

Bagi menentukan kehadiran darah pada pakaian, ujian saringan (*screening test*) telah dijalankan ke atas sampel dengan menggunakan kaedah *Kestle-Meyer Test*. *Kestle-Meyer Test* adalah kaedah ujian forensik bagi menentukan kehadiran darah dimana bahan kimia *phenolphthalein* akan digunakan. *Phenolphthalein* adalah cecair yang tidak berwarna dan akan bertukar kepada warna merah jambu setelah dioksidakan oleh haemoglobin dan hidrogen peroksida. Kajian telah dijalankan menggunakan kapas atau *blotting paper* yang disapu ke atas permukaan sampel kain yang mempunyai najis darah. Kemudian, *blotting paper* tadi akan disapukan pada permukaan yang disyaki mempunyai darah. Kemudian, setitis cecair *etahanol* serta *phenophtalein* akan dititiskan ke atas kertas *blotting* tadi dan diikuti setitis *hydrogen peroksida* ke atas kertas *blotting* yang sama.

Jika warna-warna berubah kepada merah jambu dalam masa 10 saat, sampel adalah positif mengandungi darah. Jika kertas *blotting* tidak bertukar kepada warna merah jambu selepas 10 saat, sampel adalah negatif iaitu tidak mengandungi darah. Langkah yang sama telah dijalankan ke atas sampel kain yang

mengandungi darah yang telah dibasuh menggunakan mesin dobi dan mesin basuh.

b) Kaedah Analisis Profil DNA Forensik

Kajian ini telah menggunakan bantuan kaedah analisis profil DNA Forensik ke atas tiga sampel kotoran iaitu darah, air kencing dan najis bayi. Sampel-sampel tersebut telah diuji bagi mengesahkan kewujudan atau kenyahwujudan DNANYa selepas basuhan menggunakan mesin basuh dan mesin dobi layan diri. Analisis profil DNA forensik ini telah dijalankan di Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Teknik profil DNA forensik dalam kajian ini terdiri dari empat langkah iaitu pengekstrakan DNA (*extraction*), pengiraan (*quantitation*), penggandaan (*amplification*) dan pengasingan dan penganalisaan *macromolecule DNA (electrophoresis)*.

i. Langkah 1: Pengekstrakan DNA (*Extraction*)

Sampel pakaian telah digunting dari bahagian yang mengandungi najis kepada cebisan kecil bagi proses pengekstrakan DNA. Kemudian, pengasingan najis dari media pakaian dilakukan dengan merendam cebisan sampel pakaian mengandungi najis ke dalam 500 larutan *lysis* (lysis buffer [10mM Tris (pH 8.0), 10 mM EDTA, and 2.0% SDS]) bagi tujuan untuk memecah kansel hidup yang terdapat pada sampel kain bagi tujuan mendapatkan bahagian DNA sel. Kemudian, 5-10 μ L 20 mg/ml enzim *proteinase K* ditambah ke dalam rendaman sampel. Sampel kemudian dibiarkan selama 1-3 jam pada suhu 56°C sehingga semua tisu sel larut. DNA diekstrak dari sampel dengan

menggunakan campuran larutan *phenol:chloroform:isoamyl alcohol* (25:24:1) dan campuran tersebut disekatakan dengan menggoncang tiub dengan membalik-balikkan tiub tersebut secara perlahan-lahan selama tiga minit.

Sampel kemudiannya *disentrifuge* (Eppendorf 5415; Hamburg, Germany) selama 10 minit pada 10,000 g (4°C). Lapisan atas (*aquous layer*) kemudian diasingkan ke dalam *microcentrifuge* lain yang telah *disteril*. 10 µl enzim RNase A (10 mg/ml; Fermentas, Thermo Scientific, Germany) ditambah dan kemudian dibiarkan selama 30 minit pada suhu 37°C. 10µl larutan *chloroform:isoamyl alcohol* ditambah dan *dicentrifuge* sekali lagi pada 10,000g selama 10 minit pada suhu 4°C. Lapisan atas (*aquous layer*) diasingkan ke tiub *microcentrifuge* yang baru dan 20 µl isopropanol (Merck, Whitehouse Station, NJ, USA) ditambah bersama dengan 2µL *sodium acetate* (3M) dan disejukkan pada suhu -20°C bagi tujuan pemendakan. Selepas satu jam, sampel *dicentrifuge* pada 10,000g (4°C) selama 10 minit. Kemudian bahan cecair bahagian atas selepas pemendakan (*supernatant*) dituang dan diasingkan. 250µl 70% *ethanol* (Merck) ditambah ke dalam tiub untuk melarutkan mendakan. Campuran ini kemudiannya *disentrifuge* pada 10,000rpm selama 10 minit dan lapisan cecair bahagian atas mendakan dituang secara perlahan. Mendakan kemudiannya dikeringkan di bawah arus udara laminar (*laminar air flow*) dan disimpan dalam larutan 10 tris-HCl, 1 mM EDTA, pH7.6 (TE) *buffer* dan dibekukan pada suhu -20°C untuk penyimpanan bagi proses yang seterusnya.

ii. Langkah 2: *Polymerase Chain Reaction-Short Tandem Repeat (PCR-STR) Analysis*

Pengiraan DNA telah dilakukan menggunakan '*real-time PCR quantitation*'. Proses ini perlu dilakukan bagi memastikan DNA yang diekstrak dari sampel mengandungi DNA manusia dan bukan dari sumber yang lain seperti bakteria. Kualiti dan kuantiti DNA yang diekstrak telah dianalisis.

iii. Langkah 3: Penggandaan DNA (*Amplification*)

Penggandaan DNA telah dilakukan menggunakan teknik *Polymerase Chain Reaction-Short Tandem Repeat (PCR-STR)*. SRT merupakan kaedah yang dilakukan bagi membezakan loki tertentu dari DNA. Melalui proses ini, DNA yang telah diekstrak akan digandakan bagi memastikan jumlah segmen DNA yang diperlukan adalah mencukupi bagi kajian selanjutnya.

iv. Langkah 4: Pengasingan dan penganalisan *macromolecule DNA (Capillary electrophoresis)*

Selepas gandaan DNA dilakukan menggunakan PCR, campuran DNA yang telah digandakan akan diasingkan bagi mengenal pasti dan membezakan molekul-molekul yang terdapat di dalam sampel. Pengasingan cebisan DNA (*DNA fragment*) adalah melalui proses yang dinamakan '*capillary electrophoresis*'. Teknik ini menggunakan 3500XL *Genetic Analyzer* yang menggunakan *positive* dan *negative* caj di mana DNA molekul yang *negative* akan masuk ke kapilari yang mengandungi gel dan berpindah ke anod positif di hujung kapilari yang bertentangan. Melalui proses ini, DNA diasingkan berdasarkan saiz DNA molekul.

Langkah yang sama telah dilakukan bagi setiap sampel kain mengandungi najis tahi, air kencing dan darah. Seterusnya kandungan DNA bagi setiap sampel dibandingkan di antara sampel *positive control* dan juga sampel najis bagi setiap basuhan. Profil DNA yang mengandungi DNA kurang dari 0.15 *nanogram* dikira lemah dan tidak memberi nilai yang penting.

BAB 4: HASIL KAJIAN

1. Keputusan Pengujian Saringan *Kestle Meyer Test (KM-Test)*

Ujian saringan *Kestle Meyer (KM-Test)* telah dilakukan ke atas sampel pakaian yang mengandungi darah. Bagi sampel positif pakaian yang mengandungi darah, perubahan warna pada kertas *blotting paper* telah diperhatikan dan warna merah telah dikesan menunjukkan kesan positif kehadiran darah pada sampel kain. Bagi sampel kain darah selepas basuhan dobi dan mesin basuh, kedua-dua sampel telah menunjukkan kesan negatif kehadiran darah pada pakaian di mana tiada perubahan warna telah dikesan pada kertas *blotting* setelah dititik dengan titisan cecair *etanol*, *phenolphthalein* dan hidrogen peroksida. Melalui ujian saringan ini, telah disimpulkan bahawa kesan darah telah hilang setelah basuhan dilakukan terhadap sampel kain melalui kedua-dua kaedah iaitu mesin basuh dan dobi.

2. Keputusan Analisis Profil DNA Forensik

Jumlah DNA yang dikesan pada sampel pakaian mengandungi darah, air kencing dan najis sebelum dan selepas basuhan dobi dan mesin basuh adalah seperti di dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 :
Keputusan Analisis DNA pada Tiga (3) Sampel Kajian

Sampel	Darah A (ng/ μ l)	Darah B (ng/ μ l)	Air kencing A (ng/ μ l)	Air kencing B (ng/ μ l)	Najis A (ng/ μ l)	Najis B (ng/ μ l)
Negatif sampel	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Positif sampel	44.80	65.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Sampe lselepas basuhan dobi	1.78	3.28	0.00	0.00	0.00	0.00
Sampel selepas basuhan mesin	3.28	1.11	0.09	0.00	0.00	0.00

Sumber : Laporan Pemeriksaan dan Analisis Ekshibit, Pusat Rujukan Analisis DNA Forensik Wilayah Utara, 2019.

Berdasarkan Jadual 1, kehadiran najis pada sampel darah dikesan pada 44.80 ng/ μ l dan 65.00 ng/ μ l pada sampel pakaian yang mengandungi darah sebelum melalui proses basuhan. Setelah basuhan, didapati pada sampel basuhan dobi, hanya 1.78 ng/ μ l dan 3.28 ng/ μ l sampel DNA darah dikesan pada sampel darah A dan B. Manakala bagi sampel basuhan mesin basuh, hanya terdapat 3.28 ng/ μ l dan 1.11 ng/ μ l sampel DNA dari sampel darah yang masih dikesan pada sampel darah A dan B. Keputusan juga menunjukkan, basuhan mesin basuh dan dobi telah menyahkan DNA dan bahan najis iaitu darah daripada sampel pakaian yang dibasuh.

Namun begitu, bagi kesemua sampel najis dan air kencing, analisis DNA menunjukkan bacaan 0.00 ng/ μ l bagi semua sampel sebelum dan selepas basuhan. Berdasarkan nilai yang telah diperolehi, profil DNA yang mengandungi DNA kurang dari 0.15 nanogram dikira

lemah dan tidak memberi nilai yang penting. DNA adalah asas bahan hidup pada setiap manusia, namun, najis dan air kencing mengandungi DNA dalam kuantiti yang minimum kerana kedua-dua bahan ini terdiri daripada bahan kumuh dan juga DNA yang sudah rosak.

3. Kepatuhan Metode Basuhan Sampel Kajian dengan Kaedah Pembersihan Najis dalam Mazhab Syafie

Penggunaan tiga sampel kajian iaitu darah, najis bayi dan air kencing mencakupi kategori najis mutawassitah yang merupakan kategori najis terbanyak berlaku kepada orang ramai. Berbanding najis mukhaffafah dan mughallazah, tiada sampel digunakan dalam kajian ini memandangkan cara pembersihannya berbeza daripada perincian cara pembersihan najis mutawassitah.

Najis mukhaffafah dalam mazhab Syafie hanya terdiri daripada air kencing kanak-kanak berusia dua tahun ke bawah dan mughallazah pula adalah babi, anjing dan spesies keturunannya. Najis mukhaffafah memadai dihilangkan dengan percikan air pada tempat terkena najis sahaja. Sementara najis mughallazah dihilangkan dengan tujuh kali basuhan termasuk satu kali air tanah.

Metode basuhan semua sampel tersebut yang menggunakan mesin basuh dan dobi layan diri adalah menepati dua kaedah basuhan yang disarankan oleh fuqaha' Syafi'iyah seperti berikut :

- a) Penggunaan air mutlak yang bersih walaupun kurang daripada dua kolah.
- b) Berlakunya proses kemasukan air (*murur al-ma'*) ke dalam pakaian yang dimasukkan lebih awal dalam *drum* mesin basuh dan mesin dobi, bukan sebaliknya.

- c) Terbukti berlakunya bilangan (*ʿadad*) basuhan air beberapa kali untuk menghilangkan kesan najis. Pertukaran air basuhan pertama akan dikeluarkan sebelum air baharu dimasukkan bagi putaran kali kedua.
- d) Pakaian telah dikeringkan secara *spinning* setelah selesai basuhan berdasarkan mod yang ditetapkan pada kedua-dua mesin. Proses *spinning* ini menepati kaedah perahan (*i'sar*) pakaian yang dihukumkan sunat oleh Syafi'iyah dan wajib menurut Hanafiyyah.
- e) Dari segi pengesanan zat najis dan jenis kesannya, didapati ;
 - i. Kesan najis iaitu bau, warna dan rasa telah hilang sepenuhnya.
 - ii. Kewujudan kesan warna yang masih samar-samar disebabkan kesukaran menghilangkannya dimaafkan oleh syarak atas faktor *masyaqqah*.

Setiap pakaian yang telah hilang semua kesan najis khususnya kategori mutawassitah adalah dihukumkan bersih sekiranya semua kesan tersebut dapat dihilangkan dengan mudah. Jika sukar dihilangkan selepas dibasuh dengan sabun (contoh) seperti kesan darah, pakaian tersebut dihukum bersih dengan dimaafkan (diberikan kelonggaran) pada kesan yang berbekas.

4. Keupayaan Mesin Basuh dan Dobi Menghilangkan Najis

Kajian ini turut mendapati basuhan mesin basuh dan dobi layan diri mampu menghilangkan ketiga-tiga unsur najis daripada pakaian. Berdasarkan kaedah *screening* menggunakan *Kastle–Meyer test (KM Test)* iaitu hasil pengesanan peringkat awal sesuatu unsur najis mendapati kewujudan najis pada sampel darah yang dibasuh adalah negatif berbanding kesan positif yang terdapat pada sampel kawalan

(*control sample*) awal. Keputusan sampel darah diaplikasikan pada sampel air kencing dan tahi kerana kesannya lebih kuat berbanding kedua-dua sampel tersebut yang menjadi bahan kumuhan yang tidak mengandungi banyak DNA. Jika dilihat pada standard kebersihan dalam hukum fiqh, keputusan negatif tersebut sudah memadai untuk mengukuhkan kebersihan pakaian yang mengandungi tiga sampel najis.

Namun selepas dilanjutkan pada pengujian mengikut kaedah *Polymerase Chain Reaction Short Tandem Repeat* (PCR-STR) untuk analisis DNA pula, keputusan menunjukkan bahawa sebelum dibasuh, kehadiran najis pada sampel kawalan (*control sample*) darah yang dikesan pada 44.80 (sampel A) dan 65.00 ng/μl (sampel B), manakala selepas dibasuh, ia adalah seperti berikut:

- a. Basuhan dobi: hanya tinggal 1.78 ng/μl dan 3.28 ng/μl pada sampel A dan B.
- b. Basuhan mesin basuh, hanya terdapat 3.28 ng/μl pada sampel A dan 1.11 ng/μl pada sampel B.

Keputusan ini menunjukkan, basuhan mesin basuh dan dobi mampu menyahkan DNA serta bahan najis iaitu darah. Namun, kewujudan kuantiti kecil kesan darah yang ditemui adalah berpunca daripada faktor-faktor seperti yang berikut ;

- a. Pengesanan darah didapati daripada nukleus yang terpecah daripada molekul darah yang telah terurai (hilang) tetapi masih melekat di dalam benang pakaian yang dibasuh.
- b. Ketebalan kuantiti sampel darah (2ml) yang diletakkan pada pakaian dan dibiarkan kering selama 24 jam. Keadaan berbeza

dengan dengan basuhan sebenar oleh pengguna yang akan membersihkan kesan darah (seperti darah haid dan *istihadhah*) terlebih dahulu atau kuantiti darah yang terkena itu sedikit.

Sehubungan perkara di atas, dinyatakan bahawa pengesanan kesan nukleus darah tersebut adalah tidak signifikan ataupun dianggap tidak wujud jika berpandukan piawaian hukum taharah yang menekankan kewujudan unsur fizikal najis iaitu warna, bau dan rasa.

Dari segi metode basuhan, kaedah aliran air (*murur al-ma'*) ke atas pakaian dalam mesin basuh dan dobi menepati kaedah pembersihan najis oleh para fuqaha' Syafi'iyah dan mazhab seperti yang dinyatakan sebelum ini. Dalam mod standard mesin basuh, berlaku dua kali basuhan yang memasukkan air (*idkhal al-ma'*) ke dalam mesin. Dalam hal ini, proses *murur al-ma'* ke atas pakaian telah pun terjadi. Selepas basuhan pertama, semua sisa air bercampur detergen akan dikeluarkan sebelum masuknya air baharu untuk pusingan kedua. Selepas air pusingan kedua dikeluarkan, proses pengeringan (*spinning*) pakaian akan bermula. Didapati bahawa air basuhan telah beberapa kali disalin secara tidak langsung menyingkirkan kesan najis pada air tersebut sebelum dikeringkan.

- c. Kenyahwujudan najis yang dibukti secara saintifik melalui kaedah *screening KM Test* dan analisis profil *DNA PCR-STR* sangat kukuh untuk menolak spekulasi pengguna bahawa unsur najis masih wujud pada pakaian dan lantaran itu, basuhan pakaian perlu melalui banyak pengulangan proses *murur al-ma'* sehingga najis diyakini telah hilang. Pengulangan basuhan merupakan suatu *masyaqqah* kepada pengguna kerana kesan najis telah terbukti hilang sebelum itu.

Ini bakal membebankan majoriti pengguna muslim yang kebiasaannya menggunakan mod basuhan standard (*default*) yang ditetapkan oleh mesin basuh automatik.

Kefahaman fuqaha' yang berpegang bahawa kesan basuhan masih bernajis masih kekal selepas beberapa kali pertukaran air kurang dua kolah merupakan satu metode ijtihad klasik bagi memastikan kebersihan najis diyakini sepenuhnya. Justeru, dapatan negatif daripada keputusan ujian *KM-Test* dan *PCR-STR* tidak dianggap bertentangan dengan metode fuqaha' tersebut kerana membentuk keyakinan terhadap kenyahwujudan najis. Dalam hal ini, sebab kenajisan telah berubah kepada kebersihan.

Air basuhan (*ghusalah*) pakaian bernajis sama ada dihukumkan bersih atau sebaliknya, telah dibuang daripada mesin basuh dan dobi sepenuhnya dan tidak lagi digunakan untuk basuhan lain. Dalam hal ini, *ghusalah* dihukum bersih kerana pakaian (*mahal*) telah pun bersih. Sekiranya *ghusalah* dihukum tidak bersih, ia tidak konsisten dengan dapatan kajian yang mengesahkan kebersihan pakaian.

Keyakinan pengguna mesin basuh dan mesin dobi terhadap tahap kebersihan pakaian amat penting dengan mengambil kira pemerhatiannya terhadap kewujudan kesan najis selain bantuan perkhidmatan tenaga pakar.

Berasaskan prinsip *taysir* dalam hukum syarak, kenyahwujudan najis pada pakaian yang dibasuh menggunakan kedua-dua mesin itu sewajarnya telah dianggap bersih dalam konteks taharah sebagai syarat sah ibadat solat, bukan sekadar menghilangkan kotoran najis (*izalah al-najasah*) semata-mata.

CADANGAN/RUMUSAN

1. Bagi pengguna muslim yang masih berasa was-was dan tidak yakin dengan basuhan yang menggunakan mesin basuh disenaraikan beberapa langkah untuk panduan pengguna seperti yang berikut:
 - a. Membersihkan kesan najis seperti darah, air kencing dan tahi terlebih dahulu dari pakaian dengan air mutlak sebelum mulakan basuhan.
 - b. Membilas pakaian tersebut beberapa kali sehingga diyakini tiada lagi kesan najis.
 - c. Mengasingkan pakaian bernajis daripada pakaian tidak bernajis sama ada dalam rendaman dan basuhan.
2. Bagi penggunaan mesin basuh semi automatik, kaedah basuhan yang sama perlu diikuti iaitu memasukkan air (*murur al-ma'*) ke dalam pakaian pada setiap kali basuhan yang dilakukan⁴⁶ dan membilasnya sebelum membuat proses pengeringan (*spinning*).
3. Bagi pengguna awam yang tidak mengetahui kaedah basuhan pakaian bernajis mengikut mazhab Syafie, seperti membasuh dengan cara memasukkan pakaian bernajis ke dalam besen atau mesin basuh semi auto yang mengandungi air mutlak, wajar dihukumkan bersih sekiranya mereka telah yakin bahawa kesan najis telah hilang. Kemudahan hukum tersebut adalah berdasarkan fatwa mazhab Hanafi bagi memastikan urusan kehidupan umat Islam berjalan dengan sejahtera. Sebagai agama yang berteraskan *tasamuh*, sebarang faktor membebankan (*masyaqqah*) dan

⁴⁶ Sama ada dua kali atau lebih pusingan basuhan yang diyakini pengguna bahawa kesan najis telah hilang.

kesusahan (*al-harj*) ke atas umat Islam perlu dielakkan. Menurut Hanafiyyah, pakaian bernajis boleh dimasukkan ke dalam air yang sedikit dengan syarat pakaian tersebut dibasuh dan dibilas sebanyak tiga kali serta memerah pakaian tersebut selepas basuhan ketiga.⁴⁷

Penjagaan kebersihan amat dititikberatkan dalam hukum ibadat kerana seseorang hamba perlu menjaga adab dengan Allah ﷻ yang sifatnya cantik (*jamil*) dan indah (*tayyib*). Kebersihan diri, pakaian dan semua lingkungan kehidupan bagi setiap individu muslim mencerminkan kesungguhan agama Islam menjamin kehidupan yang sihat dan jauh daripada penyakit yang berpunca daripada kotoran dan najis, sama ada *hissi* ataupun ‘*aini*.

Berpandukan kefahaman terhadap sumber al-Quran dan sunnah Nabi ﷺ, para fuqaha’ khususnya Syafi’iyyah telah memperincikan kaedah pembersihan najis dan kotoran menggunakan pelbagai instrumen khususnya air bersih (mutlak) dan bahan-bahan lain yang diyakini membersihkan najis (*mutahhirat*) seperti sabun, serta, samak dan seumpamanya. Kaedah-kaedah yang disarankan adalah berdasarkan ijtihad dan kajian setempat pada zaman masing-masing, berdasarkan realiti keupayaan mengesan serta kemampuan menghilangkan tiga unsur najis iaitu bau, warna dan rasa.

⁴⁷ Pandangan ini selari dengan syor Dr. Linah al-Homsy, seorang pendakwah dan sarjana Islam wanita dari Syiria. Lihat dalam <https://facebook.com/347097645331603>.

Islam merupakan agama yang bercirikan rahmah, mudah dan tidak membebankan umatnya dengan perkara-perkara yang tidak dapat ditentukan secara zahir. Adalah suatu yang membebankan jika umat Islam terpaksa memastikan diri mereka bebas sepenuhnya daripada terkena unsur najis yang terlalu halus atau kecil seperti sisa molekul atau nukleus yang sukar diteropong. Ciri-ciri rahmah ini jelas dinyatakan dalam nas-nas di bawah sebagai satu mesej penting yang perlu dihayati bagi memastikan kelestarian hukum syarak pada sepanjang zaman.

...يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ وَلِيُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِيُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: *(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.*

(Al-Baqarah: 185)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

Maksudnya: *...dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama, ugama bapa kamu Ibrahim...*

(Al-Hajj: 78)

Justeru, penggunaan mesin basuh dan dobi merupakan suatu inovasi basuhan pakaian yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk kesenangan ibadat kepada Allah ﷻ jika terbukti ia mampu membersihkan najis. Islam tidak pernah bersikap skeptikal terhadap sebarang reka cipta orang bukan Islam, asalkan tidak menyalahi prinsip-prinsip hukum syarak yang jelas dan *qat'ie*.

BIOGRAFI PENULIS

DR. MOHD HAPIZ BIN MAHAIYADIN merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam Selangor. Beliau memperolehi kelulusan tertinggi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang *Syariah and Governance* dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.

[Emel: mohdhapiz659@gmail.com / mohdhapiz659@uitm.edu.my].

DR. ROSHAIMIZAM BIN HJ. SUHAIMI merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Beliau memperolehi kelulusan tertinggi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Syariah dan Muamalat dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. [Emel: roshaimizam@uitm.edu.my].

DR. AINORKHILAH MAHMOOD merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Gunaan, UiTM Cawangan Pulau Pinang sejak tahun 2003. Beliau memperolehi kelulusan tertinggi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang *Semiconductor Devices* dari Universiti Sains Malaysia.

[Emel: ainorkhilah_sp@uitm.edu.my atau ainorkhilah@gmail.com].

DR. NOR FARIZA ISMAIL merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Kimia, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Beliau memperoleh kelulusan tertinggi Ijazah Doktor Falsafah PhD (Biochemical Engineering) dari Universiti Putra Malaysia.

[Emel: norfariza5031@uitm.edu.my].

HISYAM BIN MOHD RADZI merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Pulau Pinang. Beliau memperoleh kelulusan tertinggi Ijazah Sarjana Sastera Hadith Universiti Sains Malaysia.

[Email: hisyamr@uitm.edu.my].

GLOSARI ISTILAH

Singkatan

Bil.	Bilangan
<i>et.al</i>	<i>Et alia</i> dan Dan lain-lain
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> atau rujukan yang sama
Jil.	Jilid
t.p	Tanpa percetakan
t.t	Tanpa Tarikh percetakan
t.tp	Tanpa tempat percetakan
سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ	Subhanahu wa Ta'ala
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَسَلَّمَ	Salla Allah Alayhi wa Sallam
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا	Radiyah Allah Anhuma

RUJUKAN

- Al-Ansari, Zakariyya ibn Muhammad. *Asna al-Matalib fi Syarh Rawd al-Talib*. Tahqiq oleh Muhammad Muhammad Tamir. Edisi ke 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2000.
- Al-Bahuti, Mansur ibn Yunus. *Kashsyaf al-Qina 'an Matn al-Iqna'*. Tahqiq oleh Ibrahim Ahmad Abd al-Hamid. Riyadh : Dar Alam al-Kutub, 2003.
- Al-Bujayrmi, Sulayman, *Tuhfat al-Habib 'ala Sharh al-Khatib*, Beirut: Dar al-Fikr. 1995.
- Al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. *Sahih al-Bukhari*. Edisi ke 1. Dar Ibn Kathir: Dimashq, 2002.
- Al-Haitami, Shihab al-Din Ibn Hajar, *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*, Kaheerah: Dar al- Hadith. 2016.
- Al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad al-Ru'yani. *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar Khalil*. Takhrij oleh Zakariyya 'Umayrat. Edisi ke 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Ali Jum'ah. *Al-Makayil wa al-Mawazin al-Syar'iyyah*. Edisi ke-2. Kaheerah: al-Quds li al-Nashr wa al-I'Lan, 2001.
- Al-Kaf, Hasan Ahmad Muhammad, *al-Taqirrat al-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah*. Edisi ke-1. Tarim: Dar al-'Ilm wa al-Da'wah. 2003.
- Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr ibn Mas'ud. *Bada'i' al-Sana'l' fi Tartib al-Syara'i*. Tahqiq oleh Ali Muhammad Mu'awwad & Adil Ahmad Abd al-Mawjud. Edisi ke 2. Beirut: Dar al- Kutub al-Ilmiyyah, 2003.

Al-Mirdawi, Ala' al-Din Abu al-Hasan Ali ibn Sulayman. *Al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al- Khilaf 'ala Mazhab al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Edisi ke 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al- Arabi, 1988.

Al-Nawawi, Muhy al-Din ibn Syaraf. *Rawdhat al-Talibin wa Umdat al-Muftin*. Edisi ke-3. Beirut: Al-Maktab Islami. 1991.

_.*Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut : Dar al-fikr. t.t.

Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad ibn Abi al-'Abbas. *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al- Minhaj*. Edisi ke 3. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyyah, 2003.

Al-Rayyashi, Hasan Salih. *Al-Sharh al-Manhaji al-Mu'asir li Alfaz al-Faqih Abi Shuja' al- Shafi'i*. Edisi ke-1. Beirut: Dar Ibn Hazm. 2013.

Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Edisi ke 3. Dimashq : Dar al-Fikr, 1989.

Al-San'ani, Muhammad ibn Isma'il. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Maram*. Kaherah: Dar al- Hadith, t.t.

Al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad al-Khatib. *Mughniy al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'aniy Alfaz al-Minhaj*. Tahqiq oleh 'Ali Muhammad Mu'awwad dan 'Adil Ahmad al-Mawjud. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1994.

Al-Syawkani. Muhammad Ibn Ali. *Nayl al-Awtar*. Tahqiq oleh 'Isam al-Din al-Sababuti. Edisi ke 1. Kaherah : Dar al-Hadith, 1993.

Atiyyah, Abd al-Hasib Sanad. *Anwa' al-Tathir wa Syurutuhu*, dalam [http://www.alukah.net/sharia/0/44555/Diakses pada 14 April 2019](http://www.alukah.net/sharia/0/44555/Diakses%20pada%2014%20April%202019).

Husam Ali Abdullah. *Al-Ma'ayir al-Tiqniyyah al-Muttaba'ah fi Wasa'il al-Tathir al-Hadith wa Mada Mura'atiha li al-Usus wa al-Dhawabit al-Syar'iyyah fi Dhaw' Ijtihadat al-Fiqh al-Hanafi*, dalam <http://www.kantakji.com/hanaf-economy/المعايير-التقنية-المتبعة-في-وسائل-التطهير-الحديثة-ومدى-مراعاتها/> [asp#_ftn4](http://www.kantakji.com/hanaf-economy/المعايير-التقنية-المتبعة-في-وسائل-التطهير-الحديثة-ومدى-مراعاتها/asp#_ftn4). Diakses pada 14 April 2019.

Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr, 2000.

Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn Abd al-Halim. *Majmu' Fatawa*. Tartib oleh 'Abd al-Rahman ibn Muhammad dan Muhammad ibn Abd al-Rahman. Al-Madinah al-Munawwarah : Mujammak al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Musyaf al-Syarif, 2004.

Jamal Salih, Wasa'il al-Tathir. http://scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/methods_of_purification.pdf. Diakses pada 12/10/2017.

Jum'ah, Ali. *Al-Makayil wa al-Mawazin al-Syar'iyyah*. Edisi ke-2. Kaherah: al-Quds li al-Nasyr wa al-I'lan wa al-Tawzi'. 2001.

Muhammad Hudzari Haji Razali, Syazili Roslan, Muhammad Rahimi Osman, Muhammad Shahril Othman, Zulfakar Aspar and Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah. Development of Intelligence Technique in Syariah Compliance Washing Machine via PLC. *J. Artif. Intel.*, 10 (2) : 49-58, 2017.

Muslim, Abu al-Hasan ibn al-Hajjaj al-Naysaburi. *Sahih Muslim*. Tahqiq oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.

Rizuwan Yahaya, Mohd. Huzari Razali, Basri Ibrahim, Mohd Shahril Othman, Noordin Asimi Mohd Noor, Hasbullah Muhammad, dan Soran Jalal Abdullah. Conceptual instrumentation of washing machine for conformity to the Islamic laws of Syarak, *Scientific Journal of Review*, 2 (6), 151-155, 2013. Darul Ifta. 2011. Washing Clothes via Washing Machine.

Darul Ifta. Diakses pada 15 April 2019. <http://daruliftabirmingham.co.uk/washing-clothes-via-the-washing-machine/>

Youtube. 2013. Hukum Guna Pakaian Dibasuh Dengan Mesin Basuh Automatik. Youtube. Diakses pada 15 April 2019. <https://www.youtube.com/watch?v=A0F29gZu5qA>

<http://omgyoutube.com/watch/v=yWi9SSP2fHM>. Diakses pada 15 April 2019.

Facebook. <https://www.facebook.com/ustazhasnankasan/posts/112916642045601>. Diakses pada 15 April 2019.

<http://naaimahbtenaaim.blogspot.my/2017/09/hukum-menggunakan-mesin-cuci-baju.html>. Diakses pada 15 April 2019.

Darul Ifta al-Misriyyah. 2014. <http://www.dar-alifta.gov.eg/ar/ViewResearch.aspx?sec=fatwa&ID=151>. Diakses pada 18 April 2019.

Al-Iftaa. 2012. <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2722#.XNDzpzAzYdU>. Diakses pada 18 April 2019.

Islamic Affairs & Cheritable Activities Department. <https://services.iacad.gov.ae/SmartPortal/fatwa/Published Fatwa/Deatils/26018>. Diakses pada 18 April 2019.

Islamweb.net, 2017, <http://fatwa.islamweb.net>. <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php?page=showfatwa&Option=Fatwald&Id=177849> dalam siri-siri penerangannya 174107, 174865, 171787 dan 176059. Diakses pada 18 April 2019.

<http://www.kantakji.com/hanaf-economy/> المعايير-التقنية-المتبعة-في-وسائل-التطهير: الحديثة-ومدى-مراعاتها-للا المعايير-التقنية-المتبعة-في-وسائل-التطهير-الحديثة-ومدى-[.aspx#_ftn4](#). Diakses pada 16 Oktober 2019.

https://scholar.najah.edu/sites/default/files/all-thesis/methods_of_purification.pdf. Diakses pada 12 Oktober 2017.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2019. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3413-al-kafi-1263-hukum-menyelam-ke-dalam-air-yang-kurang-daripada-dua-kolah>. Diakses pada 23 Julai 2019.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2016. <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/1197-al-kafi-311-menyucikan-pakaian-dengan-mesin-basuh> .Diakses pada 15 April 2019.

<http://kemusykilan.islam.gov.my/?data=O2thdGVnb3JpX2RldGFpbDsxMzE7&page=871> Diakses pada 15 April 2019.

Sinopsis

Pada hari ini, terdapat pelbagai kemudahan untuk membersihkan pakaian bernajis seperti mesin basuh automatik dan perkhidmatan dobi layan diri yang digunakan oleh semua orang. Namun timbul keraguan terhadap kesucian pakaian yang dibasuh menggunakan mesin tersebut kerana kaedah pembersihan tidak sepertimana yang dibincangkan oleh fuqaha sebelum ini. Buku ini menerangkan perihal hukum pembersihan najis dan kaedah pembersihan najis secara khususnya.

Sumbangan ZAKAT PULAU PINANG



Diterbitkan oleh:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975 Faks : 04-263 2985

E-Mel : mufti@penang.gov.my

Laman web : <http://mufti.penang.gov.my>